

JIKA BERJAYA RAMPAS KEMBALI PIALA THOMAS -PM

Hadiah rumah dan Proton untuk pemain

UM 17 MAY 1990

Oleh
Idris Hamid

KUALA LUMPUR 16 Mei — Sembilan pemain badminton negara masing-masing akan dihadiahkan sebuah kereta Proton Saga model eksport dan sebuah rumah jika berjaya membawa pulang Piala Thomas dari kejohanan akhir di Jepun pada 23 Mei hingga 3 Jun akan datang.

Hadiah khas negara itu diumumkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad selepas beliau dan isterinya Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah meraikan para pemain itu pada

jamuan tengah hari di Hotel Pan Pacific di sini hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berharap mereka akan menjadikan azam untuk memenangi piala itu bagi negara sebagai pendorong utama.

"Saya fikir insentif ini (kereta dan rumah) adalah besar, tetapi insentif yang paling besar ialah mencapai kemenangan bagi negara," katanya.

Beliau berharap para pemain menanamkan semangat untuk mencapai kejayaan sebagai pendorong dan bukan kerana nilai hadiah yang ditawarkan.

Menurutnya, bukan semua negara mampu memberi insentif semewah itu dan para pemain perlulah bersyukur dengan apa yang bakal diterima.

Proton Saga itu adalah model yang dieksport ke Britain, tetapi nilai dan lokasi rumah yang ditawarkan akan ditetapkan kemudian.

Perdana Menteri berkata, badminton adalah satu-satunya lapangan sukan yang pencapaian Malaysia begitu cemerlang dan bertaraf antarabangsa.

"Pertandingan Piala Thomas bukan pertandingan peribadi, tetapi pertandingan untuk negara dan saya yakin seluruh rakyat tidak kira daripada parti mana, kaum dan agama akan memberi sokongan kepada pasukan kita," tambahnya.

Skuad negara akan berlepas ke Jepun Sabtu ini dan akan bertarung pada pusingan awal di Nagoya daripada 25 hingga 27 Mei. Peringkat separuh akhir

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

HADIAH RUMAH DAN PROTON

dan akhir akan diadakan di Tokyo daripada 30 Mei hingga 3 Jun. UM 17 MAY 1990

Perdana Menteri dan isteri dijangka pergi ke Jepun untuk memberi sokongan kepada pasukan negara.

Katanya, misi kali ini tidak mustahil akan berjaya kerana Malaysia pernah menjadi juara pertandingan itu dan hampir menjadi juara sekali lagi dua tahun lalu di Kuala Lumpur.

Malaysia berjaya menewaskan Indonesia 3-2 pada peringkat separuh akhir kejohanan 1988, tetapi tewas 1-4 kepada China pada perlawanan akhir.

"Kali ini kita mempunyai peluang kerana pasukan kita begitu kuat berbanding dengan pasukan-pasukan yang lalu. Tetapi segalanya bergantung kepada pemain-pemain sendiri," tambahnya.

Beliau menasihatkan mereka jangan sekali-kali mudah kecewa apabila berada di gelanggang.

"Kalau jatuh mesti bangun dan terus berjuang," tegasnya.

Turut hadir di majlis makan tengah hari itu ialah Menteri Belia dan Sukan Dato' Sri Najib Tun Razak.

Malaysia dalam kumpulan A bersama juara bertahan, China, Korea Selatan dan Sweden. Indonesia, England, Denmark dan Jepun berada dalam kumpulan B.

Kali terakhir Malaysia memenangi Piala Thomas ialah pada 1967.